

## Lembaran Pendedahan Produk

## SOMPO MotorSafe (Kenderaan Persendirian Polisi Komprehensif)

(Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli insurans ini. Pastikan anda juga telah membaca terma dan syarat am.)

### 1. Apakah produk ini?

Polisi ini menyediakan perlindungan komprehensif untuk kereta persendirian anda. Ia merangkumi kerugian atau kerosakan pada kereta persendirian anda akibat kemalangan, kebakaran atau kecurian dalam jumlah jarak tempuh yang diperuntukkan dan jarak tempuh tambahan. Di samping itu, kecederaan badan pihak ketiga, kematian atau kerosakan harta benda juga dilindungi jika melebihi jumlah jarak tempuh yang diperuntukkan dan jarak tempuh tambahan.

### 2. Apakah perlindungan / faedah yang diberikan?

Polisi ini merangkumi:

Jenis / Perlindungan	Jarak Tempuh Terhad* (Perlindungan Komprehensif)	Melebihi Jarak Tempuh*** (Pihak Ketiga Sahaja)
Liabiliti kepada pihak ketiga akibat kecederaan, kematian, kerugian/kerosakan harta benda.	✓	✓
Kerugian/kerosakan kepada kenderaan sendiri akibat kebakaran yang tidak disengajakan atau kecurian.	✓	✗
Kerugian/kerosakan kepada kenderaan sendiri akibat kemalangan.	✓	✗
Perlindungan untuk semua pemandu, mana tiada akses wajib akan dipotong kecuali pemandu yang dibenarkan memandu kenderaan anda adalah di bawah umur 21 tahun atau memegang lesen memandu percubaan atau sementara.	✓	✗
Waranti Pembaikan tempoh 12 bulan terhadap kecacatan pada bahagian ganti baru asal dan mutu kerja yang dilakukan oleh Bengkel Panel Kami.	✓	✗
Kos Menunda Tanpa had	✓	✗
Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh konvulsi semulajadi alam seperti banjir, ribut dan tanah runtuh	✓	✗
<b>Manfaat Tambahan:</b>		
Peranti "Sompo Tag"	✓	✓

Key: ✓ = Terpakai  
✗ = Tidak Terpakai

<b>*Jarak Tempuh Terhad :</b>	Perlindungan komprehensif disediakan jika anda melakukan perjalanan dalam jarak tempuh yang diperuntukkan dan jarak tempuh tambahan (atau melebihi apa-apa jarak tempuh tambah nilai yang anda beli)
<b>**Melebihi Jarak Tempuh:</b>	Hanya perlindungan pihak ketiga disediakan jika perjalanan anda melebihi jarak tempuh yang diperuntukkan dan jarak tempuh tambahan (atau melebihi apa-apa jarak tempuh tambah nilai yang anda beli)

Manfaat pilihan yang anda ingin beli dengan membayar premium tambahan:

- Perlindungan Dipertingkatkan untuk Cermin Depan/Belakang, Tingkap dan Bumbung Matahari
- Liabiliti dari segi Undang-undang terhadap Penumpang
- Perlindungan Berasingan bagi Aksesori yang dipasang pada Kereta Anda
- Pampasan "Diskaun Tanpa Tuntutan" Tahun Semasa
- Pengecualian daripada Penambahbaikan "Betterment" (hanya terpakai untuk kenderaan berumur tidak melebihi 15 tahun)
- Tambah Nilai Jarak Tempuh Tahap Seterusnya
- Tambah Nilai Jarak Tempuh Sepenuhnya

**Nota: Adalah menjadi satu kesalahan di bawah undang-undang Singapura untuk memasuki negara tersebut tanpa perlindungan liabiliti penumpang bagi insurans motor anda.**

**Nota:**

- Manfaat yang dibayar di bawah Polisi yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk kepada Brosur TIPS PIDM atau hubungi Berjaya Sompo Insurance Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).
- Sila rujuk kepada Kontrak Polisi untuk ciri dan manfaat lengkap produk.

### 3. Berapa banyak Pelan Jarak Tempuh Diperuntukkan Komprehensif yang ada?

Terdapat 3 pelan yang disediakan:

Pelan	Pelan Jarak Tempuh
Pelan A	0 hingga ke 5,000km
Pelan B	0 hingga ke 10,000km
Pelan C	0 hingga ke 15,000km

### 4. Apakah Jarak Tempuh Tambahan?

Jarak tempuh tambahan adalah penambahan 500km yang akan dimasukkan secara automatik setiap tahun ke pelan jarak tempuh diperuntukkan komprehensif anda sebelum tamat tempoh insurans.

### 5. Apakah Tempoh Perlindungan dan Pembaharuan Pilihan?

Tempoh perlindungan adalah untuk satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan insurans anda setiap tahun.

### 6. Apakah "SOMPO Tag"?

SOMPO Tag adalah peranti keupayaan bluetooth tanpa wayar yang akan dihubungkan dengan telefon pintar anda dan dipasang di dalam kereta anda untuk memberikan bantuan keselamatan sekiranya berlaku kerosakan kereta atau kecemasan. Ia juga menyediakan peringatan untuk tambah nilai. Peranti ini akan disambungkan secara automatik ke aplikasi mudah alih kami melalui bluetooth setelah proses penyediaan satu kali selesai dijalankan. Untuk maklumat lanjut mengenai "SOMPO Tag" dan aplikasi mudah alih, anda boleh merujuk kepada Soalan Lazim yang terdapat di <https://www.berjayasompo.com.my/product/sompo-motorsafe/forms-and-downloads>.

**Nota: "SOMPO Tag" disediakan semasa pembelian Polisi tanpa caj. Walau bagaimanapun, terdapat caj penggantian sebanyak RM90.00 kepada pembekal perkhidmatan kami untuk penggantian peranti.**

### 7. Apa yang berlaku sekiranya saya melebihi jarak tempuh yang diperuntukkan dan jarak tempuh tambahan sebelum Polisi saya berakhir?

Anda hanya akan dilindungi untuk kecederaan badan pihak ketiga atau kematian dan kerosakan harta benda pihak ketiga tetapi TIDAK termasuk kerugian dan kerosakan kereta anda akibat kemalangan, kebakaran atau kecurian.

Untuk memastikan Polisi anda dilindungi di bawah perlindungan komprehensif, anda perlu menambah nilai jarak tempuh sebelum jumlah jarak tempuh yang diperuntukkan dan jarak tempuh tambahan tamat. Jika tidak, anda akan menghadapi beban kewangan di mana anda mesti membayar kos pembaikan kereta anda sendiri atau membayar jumlah pinjaman yang tertunggak sekiranya berlaku kerugian sepenuhnya atau kecurian semasa kereta anda masih dalam perjanjian sewa beli.

Sebagai contoh: Encik X membeli Pelan B (0 hingga ke 10,000km) tetapi melebihi jumlah Jarak Tempuh Terhad dan Jarak Tempuh Tambahan:

55,550 kilometer  
(bacaan permulaan odometer anda)

66,050 kilometer  
(akhir Perlindungan Jarak Tempuh Terhad Anda)



### 8. Berapakah premium yang perlu saya bayar untuk SOMPO MotorSafe?

Jumlah premium yang perlu dibayar merangkumi jumlah premium SOMPO Motor dan pelarasan berdasarkan pelan jarak tempuh yang dipilih. Ini akan berbeza-beza bergantung kepada pelan jarak tempuh yang dipilih, jumlah yang diinsuranskan, keupayaan enjin, kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD) dan kehendak pengunderaitan kriteria pengunderaitan yang dikenakan oleh syarikat seperti umur pemegang polisi, usia kenderaan dll.

#### Contoh:

Usia Pemegang Polisi: 35

Usia Kereta:1

Buatan/Model: Honda Civic

Amaun Diinsuranskan: RM109,000

NCD: 55%

	SOMPO MotorSafe (Pelan A) (dengan manfaat tambahan)	SOMPO Motor(dengan manfaat tambahan)
Premium Tahunan (Sebelum Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem):	RM 911.43	RM 1,822.88

<b>Termasuk dalam premium</b>		
<b>Komisen yang dibayar kepada pengantara insurans (jika ada)</b>	RM 91.14	RM 182.29

#### 9. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?

Jenis	Amaun
Duti Setem	RM 10.00
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium

Termasuk dalam premium	Amaun
Komisen kepada pengantara insurans (jika ada)	10% daripada premium

#### 10. Berapakah premium yang perlu saya bayar untuk tambah nilai?

Premium tambah nilai adalah perbezaan antara premium yang dikenakan pada pelan jarak tempuh diperuntukkan komprehensif sedia ada anda dan tahap seterusnya untuk pelan jarak tempuh diperuntukkan atau tambah nilai jarak tempuh sepenuhnya.

	Pelan Jarak Tempuh Diperuntukkan Komprehensif Sedia Ada (Pelan A)	Tahap seterusnya Pelan Jarak Tempuh Diperuntukkan Komprehensif (Pelan B)	Premium Tambah Nilai
<b>Jumlah Premium (Sebelum Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem):</b>	RM 810.54	RM 972.66	RM 161.12

	Pelan Jarak Tempuh Diperuntukkan Komprehensif Sedia Ada (Pelan A)	Tahap seterusnya Pelan Jarak Tempuh Diperuntukkan Komprehensif (Pelan B)	Premium Tambah Nilai
<b>Komisen kepada pengantara insurans (jika ada)</b>	RM 81.05	RM 97.26	RM 16.11

#### 11. Apakah Tanggungjawab saya?

- Pastikan anda memilih pelan jarak tempuh komprehensif yang diperuntukkan untuk mencukupi tempoh insurans anda;
- Muat turun aplikasi mudah alih kami dan daftar untuk akaun;
- Lengkapkan proses pengesahan dan masukkan alamat penghantaran pilihan anda;
- Log masuk dengan kelayakan log masuk yang diberikan melalui SMS, hubungkan kepada "SOMPO Tag" dan berikan bacaan odometer yang tepat serta gambar pada tarikh permulaan Polisi;
- Pastikan bacaan odometer anda berfungsi sepanjang masa;
- Periksa bacaan odometer kereta anda secara berkala untuk memastikan jarak tempuh yang diperuntukkan dan jarak tempuh tambahan anda belum tamat;
- Tambah nilai pelan jarak tempuh diperuntukkan komprehensif jika pelan jarak tempuh komprehensif anda yang sedia ada hampir habis sebelum tarikh tamat Polisi.

#### 12. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

- **Kewajipan Pendedahan Kontrak Insurans Pengguna**  
Menurut Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, anda hendaklah mengambil penjagaan munasabah untuk menjawab semua soalan dengan lengkap, tepat, jujur berdasarkan sepanjang pengetahuan anda. Adalah menjadi kewajipan anda juga untuk memaklumkan kepada kami apa-apa perubahan mengenai butiran-butiran atau maklumat yang diberikan kepada kami sebelum kami mengeluarkan Polisi kepada anda atau sebelum anda memperbaharui atau mengubah apa-apa terma untuk Polisi anda. Sekiranya anda gagal untuk berbuat demikian, Polisi anda mungkin dibatalkan atau dianggap tidak wujud atau tuntutan anda mungkin ditolak atau nilai tuntutan dikurangkan.
- **Perubahan Risiko**  
Jika pada bila-bila masa atau dari semasa ke semasa, apa-apa penukaran berlaku dan mengubahkan secara material apa-apa fakta yang wujud pada tarikh cadangan, anda hendaklah memberi notis secara bertulis kepada kami dalam masa tujuh (7) hari dari tarikh perubahan, dan hendaklah membayar premium tambahan sedemikian sebagaimana diperlukan oleh syarikat.
- **Pembayaran Sebelum Perlindungan Berkuatkuasa**  
Pembayaran premium mesti dibuat sebelum Polisi ini berkuatkuasa.
- **Lebihan**  
Lebihan wajib RM400 untuk Polisi kereta persendirian, ini sebagai amaun kerugian yang harus anda tanggung sendiri jika kenderaan anda dipandu oleh pemandu yang dibenarkan pada masa kemalangan di bawah umur 21 tahun atau memegang lesen memandu percubaan atau sementara.

Lebih sukarela ialah jumlah lebih yang dinyatakan dalam Jadual Polisi anda, jika berkenaan. Ini adalah jumlah yang perlu anda tanggung untuk setiap tuntutan di bawah Seksyen A - Kehilangan atau Kerosakan kepada Kereta Anda Sendiri, di dalam polisi. Dalam kes di mana kemalangan berlaku disebabkan oleh kesilapan pihak ketiga, kedua-dua Lebih Wajib dan Lebih Sukarela boleh dituntut dari pihak insurans pihak ketiga yang bersalah.

- **Sumbangan**

Liabiliti kami terhad kepada kadar yang berpadanan dengan bahagian kerugian/kerosakkan apabila pihak yang diinsurankan mempunyai lebih daripada satu Polisi untuk melindungi keretanya.

### 13. Di manakah saya perlu menghantar kereta saya untuk dibaiki dalam kejadian kemalangan?

Anda dikehendaki untuk membaiki kereta anda di mana-mana **Bengkel yang Diluluskan** kami yang berkomitmen untuk menyediakan perkhidmatan pembaikan yang cepat dan berkualiti, dengan tempoh jaminan sehingga 12 bulan. **Bengkel yang Diluluskan** merujuk kepada mana-mana yang berikut:

1. Bengkel membaiki kenderaan yang tersenarai dalam panel Bengkel yang Diluluskan oleh Kami;

Kami akan memastikan jumlah bengkel yang diluluskan oleh Kami adalah mencukupi untuk memberi keselesaan and kemudahan akses kepada Anda.Senarai **Bengkel yang Diluluskan** boleh didapati di laman web kami: <https://www.berjayasompo.com.my/>. Apabila tiada panel **Bengkel yang Diluluskan** berdekatan semasa Kejadian, Kami boleh memilih atas budi bicara Kami untuk:

- i. Membantu Anda mengakses bengkel terdekat dalam panel Kami dan mengatur perkhidmatan menunda kepada Anda ke bengkel terpilih tersebut tanpa kos; atau
  - ii. Membenarkan kenderaan yang rosak untuk dibaiki di bengkel membaiki kenderaan terdekat yang berdaftar dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Kami.
2. mana-mana bengkel lain yang Kami beri kebenaran khas kepada Anda untuk digunakan. Keadaan yang memerlukan kebenaran khas boleh diluluskan oleh Kami termasuk:
    - i. Tiada **Bengkel yang Diluluskan** yang dinyatakan di atas yang tersedia di lokasi Kereta Anda, dan Kami tidak dapat membantu anda untuk mendapatkan akses ke bengkel terdekat dalam panel Kami atau bengkel terdekat yang berdaftar dengan JPJ;
    - ii. pembaikan yang memerlukan kepakaran khusus dari bengkel tertentu yang tidak dapat diberikan oleh Bengkel yang Diluluskan; dan
    - iii. bengkel francais.

Anda boleh meminta perkhidmatan towing untuk menarik kereta yang rosak akibat kemalangan ke **Bengkel yang Diluluskan** melalui Aplikasi MySOMPO atau hubungi 1800 18 8033.

Kegagalan untuk menghantar kereta anda seperti yang dijelaskan di atas akan dianggap sebagai pelanggaran terhadap syarat-syarat polisi dan kami berhak untuk menolak tuntutan anda.

**Nota: Maklumat di atas adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada Kontrak Polisi untuk terma dan syarat di bawah polisi ini.**

### 14. Apakah pengecualian utama di bawah Polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kerugian tertentu, seperti kematian anda sendiri atau kecederaan tubuh akibat kemalangan motor atau liabiliti anda terhadap tuntutan daripada penumpang di dalam kenderaan anda.

**Nota: Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk kepada Kontrak Polisi untuk senarai penuh bagi pengecualian.**

### 15. Bolehkah saya membatalkan Polisi saya?

Anda boleh membatalkan Polisi dengan memberi notis bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, kami akan membayar balik premium mengikut \*Kadar Jangka Pendek Lazim tertakluk kepada premium minimum RM50.00 yang perlu dibayar di bawah Polisi ini. Walau bagaimanapun premium tidak akan dibayar balik jika sesuatu tuntutan telah dibuat terhadap Polisi ini.

\*Kadar Jangka Pendek Lazim

Tempoh Insurans	Kadar Bayaran Balik Premium
Tidak melebihi 1 minggu	87.5% daripada premium tahunan
Tidak melebihi 1 bulan	75.0% daripada premium tahunan
Tidak melebihi 2 bulan	62.5% daripada premium tahunan
Tidak melebihi 3 bulan	50.0% daripada premium tahunan
Tidak melebihi 4 bulan	37.5% daripada premium tahunan
Tidak melebihi 6 bulan	25.0% daripada premium tahunan
Tidak melebihi 8 bulan	12.5% daripada premium tahunan
Melebihi 8 bulan	Bayaran balik premium tidak dibenarkan

### 16. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Anda harus memberitahu pihak kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat hubungan/peribadi anda bagi memastikan semua maklumat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya. Anda boleh memaklumkan kepada pejabat cawangan kami atau Pusat Khidmat Pelanggan.

### 17. Bagaimanakah saya membuat tuntutan?

- Buat laporan polis dalam masa 24 jam dan maklumkan kami secara bertulis dengan memberi butir-butir lengkap dengan segera.
- Pembaikan hendaklah dikendalikan oleh bengkel panel yang dipilih dan diluluskan oleh kami sekiranya anda membuat tuntutan kerosakan sendiri terhadap Polisi komprehensif anda sendiri.

- Sekiranya anda bukan pihak yang bersalah dalam kemalangan tersebut, anda boleh mengemukakan tuntutan sama ada secara terus kepada syarikat insurans pihak yang bersalah atau, sekiranya anda mempunyai Polisi komprehensif, anda digalakkan mengemukakan tuntutan anda kepada syarikat insurans anda sendiri untuk mempercepatkan pemprosesan tuntutan tanpa kehilangan kelayakan DTT anda.
- Anda akan kehilangan keseluruhan kelayakan DTT anda apabila tuntutan kerosakan sendiri atau pihak ketiga dibuat terhadap Polisi anda.
- Pada masa kemalangan, jika kereta anda masih di bawah perjanjian Sewa Beli/perjanjian Pinjaman Majikan dengan syarikat/majikan Sewa Beli yang dinamakan sebagai pemilik dalam Jadual, kerugian atau kerosakan pada kereta anda hendaklah dibayar kepada pemilik (syarikat/majikan Sewa Beli). Jika tidak, tuntutan hendaklah dibayar kepada pemegang Polisi.

**18. Di manakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan atau mempunyai sebarang pertanyaan mengenai Insurans Motor, sila hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami semasa waktu operasi dari jam 8:30 pagi hingga 5:00 petang (Isnin-Jumaat) di 03-2170 7300 atau Talian Bebas Tol yang dinyatakan di bahagian bawah halaman ini.

**19. Lain-lain jenis perlindungan Insurans yang boleh didapati?**

Polisi Komprehensif Kenderaan Persendirian SOMPO Motor, kecuali premium bagi produk ini lebih rendah berdasarkan pelan jarak tempuh diperuntukkan komprehensif yang dipilih, dan ia dilengkapi dengan "SOMPO Tag".

**NOTA PENTING:**

ANDA HARUS MEMASTIKAN KENDERAAN ANDA DIINSURANSKAN DENGAN NILAI YANG BERSEKUTUAN KERANA IA AKAN MEMBERI KESAN KE ATAS JUMLAH YANG ANDA BOLEH TUNTUT. ANDA HARUS BACA DAN FAHAM KANDUNGAN POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ANDA ATAU HUBUNGI SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang diberikan di dalam Lembaran Pendedahan Produk ini cuma penerangan ringkas untuk rujukan cepat dan mudah. Terma-terma dan syarat-syarat yang lengkap yang dikenakan adalah terkandung di dalam Kontrak Polisi.

Berjaya Sompo Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah bermula dari Oktober 2024.